



16 Januari 2012
16 January 2012
P.U. (A) 14

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) 2012

ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD) (FEDERAL ROADS) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

**PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) 2012**

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 591/2011 yang disiarkan pada 1 Disember 2011, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah subseksyen 70(1) dan (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 70(1) dan (2) Akta itu, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) 2012.**

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 16 Disember 2011.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan di atas sebahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1) <i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	(2) <i>Jalan arah yang dinyatakan</i>	(3) <i>Tempoh larangan</i>
1. Seluruh jalan masuk ke Kompleks Bunga Raya dari persimpangannya dengan Lebuh Raya KLIA di koordinat X 14940.406, Y 6243.082 hingga persimpangannya dengan Jalan Pekeliling di koordinat X 15420.000, Y 6451.000 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan ke Kompleks Bunga Raya melalui Lebuh Raya KLIA hendaklah menggunakan jalan alternatif melalui Aras Ketibaan Bangunan Terminal Utama KLIA dan Jambatan No. 5 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	16 Disember 2011 hingga 30 September 2012
2. Seluruh jalan keluar dari Kompleks Bunga Raya di koordinat X 15420.000, Y 6451.000 hingga persimpangannya dengan Lebuh Raya KLIA di koordinat X 15190.700, Y 6304.000 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan yang keluar dari Kompleks Bunga Raya hendaklah menggunakan Jalan Pekeliling dan Jambatan No. 5 untuk masuk ke Lebuh Raya KLIA sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	16 Disember 2011 hingga 30 September 2012

JADUAL KEDUA

